

Perpustakaan mini kejiaran

» *Little Free Library* diperkenal di Australia, kini ada di Nilai Impian

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Membaca dan mendapatkan bahan bacaan kini tidak terhad di perpustakaan atau mengunjungi kedai buku, sebaliknya bermula di setiap rumah dengan mewujudkan rak buku kecil yang boleh di kongsi dengan masyarakat sekitarnya.

Timbalan Ketua Pustakawan Kanan, Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nor Azzah Momin tampil dengan inisiatif baharu sejak Disember tahun lalu dengan meletakkan rak buku mini diperbuat daripada kayu di pekarangan rumahnya di Nilai yang dinamakan *Little Free Library* Nilai Impian.

Nor Azzah yang juga pengendali laman sosial pembaca buku, Goodreads itu berkongsi cerita mengenai kewujudan *Little Free Library* Nilai Impian pada Pertemuan Goodreads Malaysia di



Qreazant, Bangi, baru-baru ini.

Katanya, beliau mendapat ilham mewujudkan perpustakaan mini itu selepas mengetahui kewujudan komuniti *Little Free Library* di Australia yang berjaya mewujudkan jaringan secara dalam talian sehingga diperluas ke serata dunia.

Proses mendaftar, pelopor

"Selepas mengetahui konsep itu sekitar September tahun lalu, saya berbincang dengan keluarga untuk mewujudkan konsep yang sama di rumah, sekali gus dapat ber-

kongsi bahan bacaan dengan masyarakat sekitar.

"Ia direalisasikan Disember lalu, manakala kini dalam proses mendaftar penyertaan dengan *Little Free Library* secara rasmi dan lebih menarik, menjadi pelopor pertama konsep sedemikian di Malaysia," katanya pada acara anjuran komuniti buku dalam talian, *Goodreads* Malaysia.

Tambahnya, tidak sukar untuk mewujudkan perpustakaan mini di rumah kerana kos yang murah, selain koleksi buku yang diletakkan ialah milik sendiri

atau disumbangkan masyarakat sekeliling.

"Saya membina *Little Free Library* Nilai Impian dengan kos tidak lebih daripada RM1,000 untuk memilih kayu bersesuaian bagi membina rak, selain turut memikirkan risiko utama seperti keadaan buku sekiranya hujan lebat dan cuaca terlalu panas.

"Sasaran utama ialah masyarakat di sekitar kawasan kejiaran kerana saya turut menyediakan ruang untuk mereka duduk membaca, bahkan dibenarkan untuk meminjam dengan mencatat

butiran diri dalam buku yang disediakan di rak berkenaan," katanya.

Penuhi selera pembaca, aneka genre

Nor Azzah turut menggunakan laman sosial seperti Facebook untuk memaklumkan buku terbaharu yang diletakkan di rak, selain cuba memenuhi pelbagai selera peminat buku dengan meletakkan aneka genre termasuk buku kanak-kanak, sastera, agama, motivasi dan masakan.

Selain sesi perkongsian mengenai *Little Free Library* Nilai Impian, pada acara sama turut diumumkan Pemenang Sayembara Ulasan *Goodreads* Malaysia 2014 yang julung kali diperkenalkan.

Yang turut hadir, Pengarang *Sastera* BH, Mohd Nazmi Yaakub yang dilantik selaku juri, sekali gus mengumumkan nama pemenang utama, iaitu Dee Mohd Kamal yang mengulas buku *Kembara Sastera* karya Nisah Haron; Muhammad Fakhruddin (*The Impossible State: Islam, Politics, and Modernity's Moral Predicament* oleh Wael B Hallaq) dan Azizah (*Menalar Makna Diri* oleh Hasrizal Jamil).

Pada akhir acara, ahli *Goodreads* Malaysia turut mengambil peluang bertukar buku peribadi masing-masing, selain ada yang menyumbang buku untuk diletakkan di *Little Free Library* Nilai Impian.

Perjumpaan ahli *Goodreads* Malaysia, Bangi.

(FOTO KAMARULZAMAN ARIFFIN/BH)